



TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SEMPENA
SESI PENYAMPAIAN RUMAH BAITI JANNATI KELUARGA
MALAYSIA KEPADA GOLONGAN MISKIN/ ASNAF DI
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR BAGI TAHUN
2021

1 DISEMBER 2021 | 10.00 PAGI
PUSAT KOMUNITI BERINGIN

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

- 1. Alhamdulillah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dapat berkumpul hari ni.**
- 2. Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa komited mendukung usaha kerajaan dalam menangani permasalahan warga Wilayah Persekutuan termasuk isu pemilikan rumah untuk golongan miskin. Kerajaan sentiasa mendengar dan amat prihatin.**
- 3. Justeru program Baiti Jannati Keluarga Malaysia dilaksanakan melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat-syarikat swasta. Pada kali ini kerjasama strategik antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).**
- 4. Hak milik rumah di bawah program ini akan dipindahkan kepada penerima yang terpilih dari kalangan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam DBKL (PA DBKL) sedia ada.**

- 5. Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup melalui penyediaan tempat tinggal yang selesa kepada golongan berpendapatan rendah, ibu tunggal, OKU, golongan asnaf dan fakir miskin di Wilayah Persekutuan.**

- 6. Tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pemilik dengan syarat unit berkenaan tidak boleh dijual kepada pihak ketiga tetapi boleh diwariskan kepada anak atau waris terdekat. Di samping memberikan hak milik, unit rumah terlibat akan dibaik pulih dan diserahkan kepada penerima beserta barangan elektrik asas dengan anggaran kos di antara RM50,000 – RM60,000 seunit.**

- 7. Sejak 2016 sebanyak 337 unit rumah telah diserahkan kepada penerima yang layak dan yang terbaharu adalah 38 unit pada hari ini.**

- 8. Pada tahun ini, TNB memperuntukkan RM1.5 juta wang zakat bagi membiayai 30 unit rumah untuk dimanfaatkan kepada golongan miskin tegar bagi merealisasikan inisiatif ini.**

- 9. Manakala, pihak YWP juga turut menyumbang RM400,000.00 kepada 8 keluarga miskin tegar bukan Islam PPR/PA DBKL untuk memiliki rumah.**
- 10. Pihak kerajaan melalui KWP sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan sosial dan kesejahteraan kehidupan rakyat sentiasa diutamakan dari semasa ke semasa sebagai salah satu obligasi sosial kepada warga Wilayah Persekutuan.**
- 11. Program ini diharap dapat membantu golongan miskin tegar dan meningkatkan kualiti hidup golongan miskin untuk memiliki rumah kediaman yang selesa di Wilayah Persekutuan selari dengan matlamat Our City Our Home.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum wbt.